

Newspaper	SINAR HARIAN
Date	6 JUNE 2016

300,000 tandatangan palsu sabotaj Deklarasi Rakyat

Sinar Harian - 6/6/2016

KUALA LUMPUR - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad mengaku wujudnya 300,000 pemalsuan tandatangan menyokong Deklarasi Rakyat yang dilakukan secara terancang.

Menurutnya, tindakan pemalsuan tandatangan itu sengaja dilakukan bagi menggagalkan usaha menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Bagaimanapun katanya, Sekretariat Deklarasi Rakyat berjaya mengesan 300,000 tandatangan palsu berkenaan.

"Saya tahu, ada usaha un-



TUN DR MAHATHIR

tuk menipu kerana kita dapat kenal pasti ada lima, enam tandatangan menggunakan nombor kad pengenalan sama.

"Semua itu kita dah buang dan jumlahnya 300,000 borang Deklarasi Rakyat yang terlibat dengan penipuan dan ia dilakukan secara terancang, dan kita tahu ada orang yang buat (rancang)," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Beliau memaklumkan meskipun selepas berjaya mengesan penipuan itu, namun jumlah keseluruhan tandatangan berkenaan mencecah 1.2 juta tandatangan.

"Tandatangan sepatutnya saya dapat kumpul 1 juta sehingga hujung tahun tapi ini dalam tempoh dua bulan sa-

haja dilancarkan kita dah dapat lebih daripada 1 juta.

Sebelum ini, pengatur cara komputer bebas Azharuddin Othman, mendakwa dirinya terlibat dengan urusan niaga menjual pangkalan data penduduk negara ini bagi mendapatkan 1.2 juta tandatangan untuk keperluan projek Deklarasi Rakyat digerakkan Mahathir dan pakatan pembangkang.

Mengulas lanjut, Mahathir berkata lebih ramai lagi rakyat ingin menandatangani Deklarasi Rakyat, namun dihalang kerajaan.

"Sebenarnya ramai rakyat

sokong dan nak tandatangan tetapi mereka takut kepada pihak pemerintah yang mungkin melakukan pemotongan BR1M, kerajaan akan kacau perniagaan, cukai dan penamatan biasiswa," katanya.

Sementara itu, negarawan itu mengesahkan kehadiran untuk membantu calon PRK Parlimen Sungai Besar dan Kuala Kangsar yang menandatangani Deklarasi Rakyat.

Katanya, beliau tidak mewakili mana-mana parti sebaliknya memberikan sokongan padu kepada mana-mana

calon yang menandatangani Deklarasi Rakyat sahaja.

"Kalau tak batuk, saya akan turun kempen PRK. Saya kini tak wakili mana-mana parti, saya tidak lagi bersama Umno. Lagipun Umno dah tak ada yang tinggal cuma parti Najib," katanya.

Susulan wujud pertembungan lebih dari satu lawan satu di kedua-dua lokasi PRK, Mahathir mengakui ia memberi kelebihan kepada BN, namun beliau berharap rakyat sedar dengan apa yang dilakukan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.